

ANALISIS TERHADAP KEMUNCULAN ELEMEN TAKLID DALAM PEMBENTUKAN SKEMA TAAKULAN AKHLAK

**(AN ANALYSIS ON THE EXISTANCE OF TAKLID ELEMENT IN
THE DEVELOPMENT OF AKHLAK REASONING SCHEME)**

Aswati Hamzah

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
aswati@usm.my

Abstrak: Pembentukan skema taakulan atau struktur pengetahuan merupakan satu cabang kajian dalam bidang psikologi kognitif. Skema terbentuk ketika proses taakulan (*reasoning*) berlaku dalam diri individu. Terdapat empat jenis skema yang terbentuk dalam proses penaakulan akhlak pelajar Melayu; skema taakulan istiqamah, skema taakulan berpengetahuan taklid, skema taakulan taklid, dan skema taakulan taklid dekaden. Data kajian menunjukkan elemen taklid muncul dalam tiga jenis skema taakulan akhlak pelajar Melayu. Skema taakulan ini adalah berdasarkan data yang dikumpul secara kuantitatif dan kualitatif dengan melibatkan 732 orang pelajar Melayu iaitu 396 pelajar sekolah menengah dan 336 pelajar di institusi pengajian tinggi awam. Makalah ini akan memberi tumpuan kepada analisis kemunculan elemen taklid dalam tiga skema taakulan akhlak yang terendah iaitu skema berpengetahuan taklid, skema taklid dan skema taklid dekaden.

Kata kunci: psikologi kognitif, skema taakulan, skema taakulan akhlak, taklid

Abstract: Schema development, or knowledge structure development, was one of the foci studied in cognitive psychology. Schema was developed in individual reasoning process. Four types of schemata were identified of Malay students' *akhlak* reasoning process i.e. *Istiqamah* reasoning schemes, combination of *taklid* and knowledgeable reasoning schemes, *takliq* reasoning schemes, and decadent *taklid* reasoning schemes. Research data indicated that the element of *taklid* appeared in the three lower reasoning schemes. The schemes were identified based on quantitative and qualitative data from 732 Malays students, where 396 were secondary school students and 336 were students from public higher institution. The analysis on the existence of *taklid* elements in the three lower schemes, i.e., combination of *taklid* and knowledgeable reasoning schemes, *taklid* reasoning schemes, and decadent *taklid* reasoning schemes will be the main focus of this article.

Keywords: cognitive psychology, reasoning scheme, moral reasoning scheme, *taklid*

PENGENALAN

Menurut ahli psikologi kognitif (Bartlett, 1932), skema bermaksud struktur pengetahuan umum yang tersimpan dalam ingatan jangka panjang dan diaktifkan oleh fungsi stimulasi semasa yang berkaitan dengan situasi sebelumnya. Skema ini tidak sahaja mengkatalog pengalaman, tetapi turut mencadangkan preskripsi untuk tindakan dan panduan menyelesaikan masalah. Skema bertindak mengemukakan data untuk membina struktur pengetahuan yang dihasilkan ketika membuat justifikasi yang melibatkan pelbagai masalah dalam kehidupan (Nik Azis, 1999).

Misalnya, seorang pelajar yang mempunyai skema pengetahuan akhlak yang baik akan dapat menyelesaikan pelbagai masalah harian berpandukan nilai-nilai akhlak ketika membuat justifikasi terhadap masalah yang dihadapi. Sekiranya pelajar tersebut diajak untuk melakukan perkara kebaikan seperti membantu ibu bapa di rumah, beliau akan mengaktifkan bahagian skema yang membawanya kepada kelebihan-kelebihan melakukan kebaikan di samping meletakkan nilai kebaikannya itu kepada ajaran agama. Begitu juga sebaliknya, apabila beliau diajak untuk melakukan perkara keburukan seperti mencuri dan bergaduh, beliau akan mengaktifkan skema yang menjelaskan akibat-akibat perbuatan buruk itu dan akhirnya deskripsi ini membantunya meletakkan justifikasi perlakuannya kepada ajaran agama berkaitan perbuatan buruk tersebut.

Skema taakulan akhlak pelajar Melayu dapat diertikan sebagai kelompok pengetahuan maklumat-maklumat berkenaan akhlak yang mengandungi pelbagai unsur termasuklah unsur-unsur kepercayaan daripada agama Islam, pegangan atau ideologi, budaya dan adat resam, dan unsur-unsur lain yang mempunyai pengaruh terhadap pengelompokan pengetahuan (Aswati, 2006). Skema ini bertindak mengemuka data untuk membina struktur pengetahuan yang dihasilkan ketika membuat justifikasi yang melibatkan masalah-masalah akhlak dalam kehidupan seharian. Skema ini mewakili binaan struktur pengetahuan akhlak dalam diri pelajar Melayu yang akan menjadi asas kepada pembinaan pengetahuan akhlaknya yang menyeluruh (Wan Mohd. Nor, 1991).

KONSEP TAKLID

Dari aspek bahasa, taklid bermaksud percaya bulat-bulat kata orang, menurut, meniru atau meneladani orang lain. Dalam konteks berkaitan keagamaan, konsep taklid buta bermaksud berpegang pada pendapat ahli hukum yang terdahulu dan bagi golongan awam, mereka memang memerlukan para ulama atau mereka yang lebih mengetahui. Sifat bertaklid ini merupakan salah satu sifat semula jadi

manusia seperti yang diterangkan dalam al-Quran (Abdul Halim Mahmud, 1995) yang bermaksud:

Dan apabila dikatakan pada mereka; “Ikutilah apa yang diturunkan Allah, mereka menjawab: (tidak), tetapi kami hanya mengikuti apa yang telah kami dapati dari (perbuatan) nenek moyang kami”. (Apakah mereka akan mengikuti juga) walaupun nenek moyang mereka itu tidak mengetahui suatu apapun dan tidak mendapat petunjuk.

(al-Baqarah: 170)

Dalam aspek pemikiran, amalan bertaklid membawa tuli pada adat dan tradisi nenek moyang ini akan membawa pada amalan yang rigid dan ekstrim serta menghalang perkembangan pemikiran yang dinamik (Wan Sabri, 2001). Hal ini dinyatakan dalam al-Quran yang bermaksud:

Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungan jawabnya.

(al-Isra’: 17–36)

Maksud dan huraiian amalan taklid dalam ayat-ayat di atas telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam hadis baginda yang bermaksud:

Kamu akan mengikuti cara (sunnah) daripada mereka yang sebelum kamu inci-inci demi inci dan jengkal demi jengkal, sehingga jika mereka masuk ke dalam lubang biawak, pasti kamu mengikuti mereka secara membawa tuli. Pengikut-pengikut Rasulullah bertanya: Yahudi dan Kristian, ya Rasulullah? Baginda menjawab: Siapa lagi.

(Hadis Riwayat Muslim)

Berdasarkan keseluruhan makna dan huraiian istilah taklid di atas, taklid dalam makalah ini dirujuk sebagai fikiran, amalan atau tindakan yang dipilih dengan mengikuti kebiasaan, amalan masyarakat, adat resam termasuk cara beramal dan pandangan terhadap konsep-konsep kehidupan.

Taklid Dalam Kalangan Orang Melayu

Kedatangan Islam mengubah bentuk kepercayaan animisme kepada kepercayaan tauhid. Islam juga membawa nilai egaliter yang telah mendasari konsep keadilan sosial, politik dan ekonomi orang Melayu (Hassan, 2003). Adat Melayu yang baik dipertahankan secara kolektif, diperkuuh dan diperkaya mengikut cara


penerimaan orang Melayu. Perubahan pemikiran dan kepercayaan ini dapat dilihat dalam teks-teks Melayu lama seperti hikayat, syair dan pantun Melayu lama. Walau bagaimanapun, terdapat amalan taklid yang diterima secara warisan turun-temurun oleh masyarakat Melayu yang mengakibatkan amalan khurafat, mempercayai pelbagai kuasa ghaib, bomoh dan pawang.

Orientasi Islam dalam kehidupan orang Melayu juga memperlihatkan amalan taklid. Taklid dalam pengetahuan agama dapat diertikan sebagai berpegang pada pendapat ahli-ahli hukum yang terdahulu, percaya bulat-bulat kata orang, meniru, menurut dan meneladani orang lain ataupun taklid buta; iaitu hanya mengikut sahaja secara membuta tuli (Sidi Gazalba, 1983). Selain itu, terdapat juga amalan taklid dalam hal mempelajari ilmu-ilmu agama, perkara yang berkaitan dengan sistem kepercayaan pemerintahan dan pengekalan unsur amalan feudal. Hal ini menunjukkan agama sebahagian besarnya tersisih daripada prinsip kehidupan atau kemasyarakatan. Orientasi agama sebaliknya ditentukan oleh golongan autoriti (Rahimin Affandi, 1995).

Proses Pembentukan Skema Taakulan Akhlak Pelajar Melayu

Pembentukan skema taakulan akhlak pelajar Melayu merupakan gabungan beberapa elemen seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Umumnya, skema taakulan akhlak pelajar Melayu terbentuk hasil gabungan beberapa elemen yang menunjukkan akulturasi aspek agama Islam dan budaya Melayu yang mendasari dua paksi hubungan kehidupan mereka iaitu hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia. Hubungan dengan Allah membentuk falsafah hidup iaitu manifestasi penghayatan terhadap konsep ad-Din, ideologi *Islam way of life*. Hal ini seterusnya membawa impak kepada pembentukan pengetahuan (ilmu), sistem nilai dan kemoralan, paradigma pemikiran serta orientasi keislaman mereka. Manakala hubungan sesama manusia melahirkan kebudayaan merangkumi aspek kemanusiaan, pendidikan, ruang lingkup sosial termasuk adat, sosial, ekonomi dan politik, pengaruh unsur-unsur bukan Islam sama ada positif atau negatif, mempamerkan manifestasi iman. Kesemua elemen ini menyumbang kepada bentuk skema taakulan akhlak yang berbeza dalam kalangan pelajar Melayu.

Elemen Taklid dalam Pembentukan Taakulan Akhlak



Rajah 1. Elemen-elemen yang berhubungan dengan pembentukan skema taakulan akhlak pelajar Melayu

Jenis Skema Taakulan Akhlak dan Ciri-Cirinya

Berdasarkan maklumat daripada teori skema dan analisis terhadap ciri-ciri akhlak Islam, terdapat beberapa bentuk skema taakulan yang dihasilkan oleh para pelajar Melayu (Aswati, 2007). Dapatkan kajian menunjukkan empat jenis skema taakulan yang berbeza terbentuk dalam keadaan saling bergabung (*mixture of the schemes*). Pengasingan antara satu jenis skema dengan jenis skema yang lain dikesan melalui kecenderungan dominan yang ditunjukkan oleh subjek dalam memilih item-item mengikut jenis skema taakulan yang tertentu.

Bentuk yang utama ialah skema taakulan istiqamah yang mewakili keadaan kecemerlangan akhlak. Hal ini dijelaskan dengan kehadiran empat bentuk pemikiran akhlak yang berasaskan kewujudan Allah. Pemikiran ini bermula dengan seseorang membatinkan kefahaman akhlaknya dengan membuat perkaitan terhadap kewujudan Allah dan meniatkan segala perlakuannya semata-mata kerana Allah (ihsan). Seterusnya pemikiran ini akan diikuti dengan kemunculan sifat berbuat sesuatu menurut syariat untuk mengelakkan balasan buruk daripada Allah sama ada di dunia atau di akhirat. Sifat ini akan menjadi pencetus sikap mauh akan sesuatu yang terbaik di sisi Allah dan menjadi pemangkin untuk melakukan perkara-perkara yang baik menurut syariat dan meninggalkan larangan syariat Allah.

Gabungan kedua-dua pemikiran di atas akan membuka minda seseorang untuk melihat tingkah lakunya dalam hubungan dengan persekitarannya yang menuntut elemen-elemen kemanusiaan yang tinggi seperti bertolak ansur, berkasih-sayang, bersikap adil, hormat-menghormati dan lain-lain. Apabila sikap ini dapat dimaknakan dan dibatinkan dengan sempurna, individu akan mencapai konsep akhlak kendiri yang jitu dan utuh. Hal inilah yang meletakkannya dalam satu keadaan kecemerlangan akhlak. Keadaan kecemerlangan melambangkan taburan sekata berlaku dalam sifat-sifat psikologi iaitu berani, bijak, mengawasi diri dan adil dalam diri individu.

Bentuk skema taakulan yang kedua, skema berpengetahuan taklid ditandai dengan adanya keperluan minimum pembatinan akhlak iaitu individu mampu mengenal perbuatan baik dan buruk. Mereka juga mampu melaksanakan perkara-perkara yang baik dan menghindari perkara buruk berasaskan pengetahuan terhadap nilai yang baik dan yang buruk tentang sesuatu perkara. Nilai baik dan buruk ini haruslah bersandarkan anjuran syariat Islam. Terdapat juga keadaan seseorang itu cenderung untuk memilih salah satu nilai sama ada baik atau buruk. Skema ini bercirikan mempunyai sifat berpengetahuan dalam hal-hal keagamaan dan pengetahuan bukan agama. Pengetahuan yang dimiliki mampu membezakan kebaikan daripada keburukan, seperti yang disebut dalam al-Quran yang bermaksud:

Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran.

(az-Zumar: 9)

Maksud ini dijelaskan lagi oleh hadis Rasulallah SAW tentang sifat orang yang berilmu dalam hadis riwayat al-Baihaqi dari Abu Darda'.

Ketiga, skema taakulan bertaklid mewakili skema taakulan akhlak yang bercirikan sama ada akhlak yang terpuji atau sebaliknya. Pilihan tingkah laku menggambarkan sama ada menunjukkan keyakinan memilih ciri-ciri akhlak yang terpuji atau sebaliknya. Ciri-ciri akhlak yang dipilih tidak menampakkan tujuan semata-mata mencari keredaan Allah dan lebih bersifat mengikuti kebiasaan yang ada di persekitaran. Bentuk skema ini merupakan kalangan yang bertaklid membuta tuli pada sesuatu pengetahuan yang diajarkan kepadanya. Golongan ini tidak memahami dengan jelas makna kebenaran atau keburukan dalam sesuatu perkara. Hal ini wujud kerana tidak ada usaha untuk mengetahui dengan lebih mendalam sesuatu perkara atau hal tertentu. Golongan ini mengalami fenomena lubang biawak yang disebutkan oleh Rasulullah SAW (Nik Azis, 1999). Terdapat kecenderungan untuk mewujudkan sifat tidak berpendirian, iaitu keadaan meletakkan konsep berkecuali dalam sesuatu isu atau hal. Golongan ini juga cenderung untuk mengamalkan tindakan yang terpesong daripada makna akhlak yang dianjurkan oleh syariat. Akhlak mereka juga mudah dipengaruhi oleh anasir hawa nafsu seperti emosi, dan cenderung mengutamakan ganjaran bersifat sementara. Bentuk skema yang keempat bagi skema taakulan taklid dekaden ialah penyusutan akhlak yang dikaitkan dengan amalan pelanggaran syariat yang berterusan.

Golongan ini contohnya datang daripada golongan cendekiawan yang menggunakan kebijaksanaan pada jalan yang melanggar syariat dan mereka berkeyakinan tinggi dengan cara pemikiran mereka. Misalnya, seorang pakar ekonomi menggunakan kepakarannya untuk memutarbelitkan fakta bertujuan mengaut keuntungan untuk dirinya atau kroni-kroni yang ada kepentingan dalam perniagaannya. Tindakan beliau menunjukkan bentuk amarah (berani) yang tidak terkawal, tetapi melambangkan sifat, *al-kaab* dan *al-balah* (pemesongan kebijaksanaan) yang akhirnya membawa kegagalan mengawasi fikiran dan tindakan pada jalan syariat yang mengakibatkan ketidakadilan ekonomi berlaku.

Keseluruhannya, individu yang dilahirkan Islam juga akan dianggap terpesong daripada mengikuti ajaran Islam sekiranya mereka berterusan mengikuti ajaran secara membuta tuli (Wan Sabri, 2001). Oleh itu, terdapat dua kecenderungan

pada skema taklid ini sama ada bertaklid pada ajaran Islam yang benar ataupun mengikuti kebiasaan dan adat resam yang terpesong daripada ajaran Islam. Pesongan ini cenderung membawa seseorang mengaktifkan skema dekadensi.

ANALISIS DATA

Pengumpulan data berkaitan skema taakulan akhlak melibatkan data kuantitatif dan data kualitatif. Data kuantitatif telah dikumpulkan menggunakan Ujian Pengecaman Skema Taakulan Akhlak (UPSTA) (Aswati, 2007). Manakala data kualitatif dikumpulkan melalui temu bual mendalam yang dijalankan terhadap 12 orang pelajar mewakili semua jenis taakulan akhlak yang dikesan dalam data kuantitatif.

Data Kuantitatif

Data kuantitatif yang dikumpulkan melalui UPSTA mengambil kira kaedah-kaedah pengecaman moral dan teori skema berdasarkan sains kognitif yang diadaptasi daripada alat ukur *Defining Issue Test* (DIT) yang mempunyai indeks kebolehpercayaan yang tinggi ($\alpha = .8645$). Data yang dikumpul telah melalui beberapa proses statistik untuk menentukan kategori skema taakulan yang dihasilkan. Jenis skema taakulan ditentukan berpandukan hasil dapatan analisis faktor dalam pakej SPSS, seterusnya melalui aplikasi beberapa rumus tertentu (Aswati, 2007). Berikut merupakan justifikasi yang digunakan untuk mencipta rumus dan menentukan ciri-ciri bagi setiap jenis skema taakulan yang mempunyai elemen taklid di dalamnya.

Penentuan kategori skema taakulan pengetahuan taklid

Kriteria utama untuk menentukan struktur pembinaan kategori skema pengetahuan taklid (skala kedua tertinggi) mengambil kira kecenderungan dominan subjek memilih item-item pengetahuan taklid. Subjek mestilah berada pada skor 75% dan ke atas dalam komponen faktor skema pengetahuan taklid. Kriteria seterusnya ialah subjek mempunyai kecenderungan memilih item-item istiqamah sebagai pelengkap kepada kriteria skema pengetahuan taklid yang tinggi. Individu yang mempunyai pengetahuan yang tinggi walaupun terdapat unsur-unsur taklid dalam pengetahuannya mempunyai kecenderungan untuk sampai ke tahap taakulan istiqamah. Manakala kecenderungan memilih item-item taklid juga melengkapkan kriteria unsur taklid dalam pengetahuan, iaitu unsur-unsur taklid telah sedia ada dalam mengikuti sesuatu pengetahuan, fahaman atau kepercayaan. Kriteria ini meletakkan subjek cenderung untuk memilih item-item dalam kategori skema taklid yang berfungsi sebagai pelengkap.

Subjek dalam kategori pengetahuan taklid juga cenderung memilih item-item taklid dekaden dalam kadar minima. Hal ini dikaitkan dengan kecenderungan sifat seseorang yang berpengetahuan tetapi mempunyai kecenderungan untuk melakukan perkara yang melanggar syariat yang minima akibat pengaruh daripada sifat taklid. Kecenderungannya memilih item-item taklid dekaden memperlihatkan unsur gabungan skema yang saling bertentangan dalam diri seseorang. Jelasnya, kategori skema pengetahuan taklid adalah gabungan skor tinggi komponen pengetahuan taklid yang dilengkапkan dengan skor minima item-item istiqamah dan taklid serta skor minima komponen taklid dekaden. Secara rumusnya struktur pembentukan skema pengetahuan taklid adalah seperti berikut.

Skema pengetahuan taklid (sk2) diperolehi dengan menambah 75% skor item-item komponen skema pengetahuan taklid dan 10% skor item-item komponen skema istiqamah dan 10% skor item-item komponen taklid serta 5% skor item-item komponen taklid dekaden. Skor-skor ini boleh dilihat dengan jelas dalam persamaan berikut.

$$sk2 = 75\% \text{ (pengetahuan taklid)} + 10\% \text{ (istiqamah)} + 10\% \text{ (taklid)} + 5\% \text{ (taklid dekaden)}$$

Penentuan kategori skema taakulan taklid

Subjek yang dikategorikan dalam kategori skema taklid mestilah mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk memilih item-item komponen faktor taklid. Subjek yang berada pada kategori skor 75% dan ke atas dalam komponen faktor taklid menjelaskan bahawa mereka lebih cenderung memilih item-item taklid. Kriteria ini dilengkapan dengan kecenderungan subjek terhadap item-item istiqamah dan taklid dekaden manakala kecenderungan terhadap item-item pengetahuan taklid menjelaskan keadaan berlawanan dengan kriteria taklid.

Pengaruh sifat taklid boleh membawa kepada dua keadaan iaitu: pertama cenderung kepada tahap taakulan istiqamah walaupun pada peringkat minima. Hal ini berlaku jika individu membuat kebaikan dengan membuta tuli secara bersungguh-sungguh dan berterusan. Kecenderungan ini dijelaskan dengan pemilihan 10% skor item-item istiqamah. Kedua ialah kecenderungan melakukan hal-hal pelanggaran syariat yang berterusan akibat mengikut sesuatu fahaman atau kepercayaan secara membuta tuli. Hal ini dijelaskan dengan kecenderungan 10% skor item-item taklid dekaden. Jumlah 5% skor item-item pengetahuan taklid merupakan keadaan yang berlawanan dengan kriteria utama skema taklid iaitu mempunyai sedikit pengetahuan dalam sesuatu perkara tetapi masih terdapat unsur-unsur taklid.

Kategori skema taklid (skala ketiga: sk3) adalah gabungan 75% skor item-item komponen skema taklid ditambah 10% skor item-item komponen skema istiqamah dan 10% skor item-item komponen taklid dekaden serta 5% skor item-item komponen pengetahuan taklid.

$$sk3 = 75\% (\text{taklid}) + 10\% (\text{istiqamah}) + 10\% (\text{taklid dekaden}) + 5\% (\text{pengetahuan taklid})$$

Penentuan kategori skema taakulan taklid dekaden

Kategori skema taklid dekaden [skala keempat; terendah (sk4)] adalah gabungan di antara kategori skor tinggi 75% dan ke atas dalam komponen taklid dekaden dengan 10% skor kategori skor tinggi komponen pengetahuan taklid serta 10% skor komponen taklid sebagai pelengkap. Hal ini menjelaskan kecenderungan subjek memilih item-item taklid dekaden. Kriteria ini dilengkapi dengan kecenderungan memilih item-item pengetahuan taklid dan taklid. Gabungan kriteria ini menjelaskan sifat taklid dan pengetahuan taklid yang tinggi terhadap perkara yang terpesong dari syariat akan membawa kepada pelanggaran syariat. Jumlah 5% skor yang mewakili kecenderungan memilih item-item istiqamah adalah sifat berlawanan kepada taklid dekaden yang ada pada diri individu. Keadaan ini menjelaskan sifat semula jadi manusia yang sentiasa ingin menghampiri sifat-sifat ihsan dan berbuat baik.

Secara rumus, struktur pembinaan kategori skema taklid merupakan gabungan 75% skor item-item komponen skema taklid dekaden dengan 10% skor item-item komponen skema pengetahuan taklid dan 10% skor item-item komponen taklid serta 5% skor item-item komponen istiqamah.

$$sk4 = 75\% (\text{taklid dekaden}) + 10\% (\text{pengetahuan taklid}) + 10\% (\text{taklid}) + 5\% (\text{istiqamah})$$

Hasil aplikasi rumus-rumus di atas menunjukkan terdapat keadaan subjek berada pada lebih daripada satu kategori taakulan. Hal ini boleh dijelaskan maklumat teori skema yang menyatakan skema-skema diaktifkan dalam bentuk gabungan. Teori skema menekankan hal percampuran skema (*schemes mixture*) di antara skema tinggi dan skema rendah. Terdapat keadaan gabungan beberapa skema yang diaktifkan subjek seperti dalam kes-kes rawak berikut.

Jadual 1. Kecenderungan dominan subjek secara rawak mengikut jenis skema taakulan

Kes (no. subjek)	Taklid dekaden	Taklid	Pengetahuan taklid	Istiqamah
5	55.38		53.91	
27		44.65		
133	51.08	51.08		
311	71.25	63.13	55.00	
368	54.41	54.41		
457	73.19		73.19	
705	67.44	75.31	69.22	86.69

Gabungan struktur pembentukan skema taakulan di atas berlaku kepada hampir semua subjek. Subjek dilihat mempunyai kecenderungan dominan dalam satu atau lebih daripada satu kategori taakulan. Kumpulan neo-Kohlbergian telah menetapkan beberapa kaedah untuk menentukan kecenderungan dominan subjek yang berada pada keadaan ini. Skor tertinggi subjek dalam sesuatu kategori menunjukkan subjek mempunyai kecenderungan dominan dalam kategori tersebut. Contohnya, dalam kes 705 dalam Jadual 1 di atas, subjek mempunyai kecenderungan dominan dalam kategori taakulan istiqamah walaupun pada masa yang sama menunjukkan kecenderungan dominan dalam kategori taakulan yang lain iaitu kategori pengetahuan taklid, kategori taakulan taklid dan kategori taakulan taklid dekaden.

Subjek kes 133 pula menunjukkan bahawa beliau mempunyai kecenderungan dominan yang sama dalam dua kategori taakulan. Mengikut pendapat neo-Kohlbergian sekiranya hal seperti ini berlaku, skor subjek pada kategori skema yang lebih tinggi diambil kira iaitu subjek dikatakan lebih cenderung untuk dominan pada kategori taakulan taklid berbanding kategori taakulan taklid dekaden. Kaedah yang sama digunakan untuk menentukan kecenderungan dominan subjek kes 457. Terdapat juga subjek yang cenderung untuk dominan dalam satu kategori taakulan seperti subjek kes 27. Keseluruhannya subjek menunjukkan kecenderungan untuk dominan kepada lebih daripada satu kategori taakulan walaupun penggunaan rumus telah mengambil kira skor daripada semua faktor komponen taakulan.

Jadual 2. Taburan subjek mengikut kategori taakulan yang mempunyai elemen taklid setelah ditentukan kecenderungan skema taakulan berdasarkan kaedah analisis neo-Kohlbergian

Subjek	Bilangan	Peratus
Taakulan pengetahuan taklid	63	9.4
Taakulan taklid	95	14.2
Taakulan taklid dekaden	97	14.5
Jumlah	255	38.1
Jumlah subjek	668	100.0

Berdasarkan Jadual 2, 63 subjek dalam kategori skema taakulan pengetahuan taklid, 95 subjek dalam kategori skema taakulan taklid dan 97 subjek dalam kategori skema taakulan taklid dekaden. Keseluruhan jumlah tersebut mewakili 38 peratus jumlah subjek.

Hasil keseluruhan analisis terhadap data kuantitatif menjelaskan kemunculan elemen taklid dalam tiga jenis skema taakulan akhlak seperti di atas. Kategori kedua dalam hierarki skema taakulan ialah skema pengetahuan taklid. Istilah skema pengetahuan taklid digunakan dengan terdapatnya unsur-unsur taklid dalam kemunculan faktor komponen skema taakulan akhlak melalui kaedah analisis konfirmatori. Kemunculan unsur-unsur taklid dalam skema hierarki kedua menggambarkan keakraban keadaan ciri mengikut atau bertaklid dengan pemerolehan kebenaran atau pengetahuan tentang sesuatu perkara. Hal ini dinyatakan oleh al-Attas dalam ulasan Wan Mohd. Nor (2005) tentang kedudukan taklid dalam usaha memperoleh pengetahuan.

Menurut al-Attas (dalam Wan Mohd. Nor, 2005), taklid merupakan tingkat pengetahuan dan amalan nilai etika dan bukannya satu proses peniruan buta malah bukan berlawanan dengan ilmu pengetahuan tetapi merupakan satu proses alami yang positif pada tahap awal perkembangan penuntut ilmu atau untuk seorang yang tidak berpeluang mengcap pendidikan dan latihan yang cukup untuk memahami alasan dan bukti secara mendalam. Berdasarkan penjelasan ini, pengetahuan taklid merupakan satu tahap perantara yang meletakkan peluang kepada subjek untuk bergerak ke tahap yang paling tinggi atau menurun mengikut langkah taklid.

Kategori ketiga merupakan skema taakulan taklid. Menurut al-Attas (dalam Wan Mohd. Nor, 2005), taklid adalah penerimaan kata-kata seseorang selain Nabi, dan yang dilakukan tanpa sebarang bukti. Kriteria taklid dalam kajian ini dirujuk sebagai fikiran, amalan atau tindakan yang dipilih dengan mengikuti kebiasaan, amalan masyarakat seperti adat resam termasuk cara beramal dan pandangan terhadap konsep-konsep kehidupan Islam. Ikhwan al-Safa (dalam Wan Mohd.

Nor, 2006) menganggap taklid sebagai sifat negatif. Ciri-ciri taklid dalam kajian ini menemukan dua dimensi taklid iaitu: pertama taklid kepada hal-hal yang baik dan tidak menyimpang daripada syariat Islam; kedua taklid yang cenderung kepada hal-hal yang membawa perlanggaran syariat. Kecenderungan ini meletakkan subjek pada tahap taakulan paling rendah iaitu kategori skema taklid dekaden.

Keempat, kategori skema taakulan taklid dekaden diubah daripada istilah asal iaitu skema dekaden. Kemunculan elemen taklid dalam analisis faktor diambil kira untuk menerangkan pembentukan kategori skema taakulan terendah iaitu skema taklid dekaden. Unsur taklid di sini lebih membawa kepada pembentukan unsur-unsur yang menyimpang daripada akidah Islam. Kategori skema taklid dekaden mempunyai kriteria khusus elemen taklid yang menjurus kepada perlanggaran syariat. Terdapat juga elemen nafsu atau emosi yang cenderung kepada sifat yang buruk seperti mementingkan diri atau sifat amarah yang meletakkan manusia setaraf dengan binatang (Ayidh Abdullah al-Qarni, 2006). Elemen utama pada kategori skema taklid dekaden termasuklah pemikiran atau tindakan yang berbentuk logik yang sekular, iaitu memisahkan fikiran logik daripada hubungan dengan hukum Allah.

Dapatkan kajian kuantitatif juga menunjukkan kumpulan umur dapat menentukan perbezaan jenis-jenis skema taakulan akhlak. Analisis dan hasil ujian khi kuasa dua menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara umur dan kategori taakulan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3. Bilangan subjek dalam kategori skema taakulan mengikut umur

Kategori taakulan	Pelajar menengah (%)	Pelajar IPTA (%)	Jumlah
Skema pengetahuan taklid	58.7	41.3	63
Skema taklid	62.1	37.9	95
Skema taklid dekaden	76.3	23.7	97

Jadual 3 di atas menunjukkan pola perkaitan di antara faktor umur dengan kecenderungan subjek dalam kategori skema taakulan. Bagi kategori skema taakulan pengetahuan taklid, pengelompokan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pelajar menengah hampir sama banyak tetapi pelajar menengah lebih cenderung berada pada kategori skema taakulan ini. Kelompok pelajar menengah lebih ramai pada kategori skema taakulan taklid berbanding pelajar IPTA dan bilangan pelajar menengah juga lebih ramai dalam kategori skema taakulan taklid dekaden. Pelajar menengah menunjukkan kecenderungan tinggi untuk dominan dalam kategori skema taklid dan kategori skema pengetahuan taklid. Hasil dapatan ini dapat dikaitkan dengan dapatan kajian yang dikemukakan oleh para pengikut teori moral neo-Kohlbergian

yang mengatakan faktor umur dan tahap pendidikan memberikan kesan terhadap pembentukan skema taakulan. Fenomena ini dapat dikaitkan dengan aspek psikologi perkembangan insan secara menyeluruh (*life span development*) dan aspek pendidikan yang diterima oleh kedua-dua kumpulan pelajar tersebut.

Aspek psikologi perkembangan insan melihat diri remaja peringkat sekolah menengah berada pada tahap awal remaja (Kowalski dan Westen, 2005). Tempoh perkembangan ini mempunyai kesan dan perubahan besar pada diri remaja melibatkan aspek psikososial emosi, kognitif. Dari aspek kognitif, remaja mempunyai kemampuan menyelesaikan tugas kognitif yang kompleks, memahami perkara yang tersirat serta memberikan penaksiran dan aplikasi khususnya dalam menyelesaikan masalah (Feldman, 2003). Akibatnya remaja sering terjebak dalam pelbagai konflik ketika berinteraksi dengan persekitaran.

Islam melihat tahap umur remaja ini sebagai tahap pembantu berdasarkan maksud hadis Rasulullah SAW dari Al-Mutta'i (dalam Saedah Siraj, 2003).

Mereka (anak-anak) adalah pembantu pada 7 tahun berikutnya (15–21 tahun). Jadikanlah pembantumu ketika umurnya 21 tahun sekiranya kamu mahu. Jika tidak, tepuklah bahunya. Sesungguhnya, kamu (ibu bapa) telah memperbanyak keuzuran (dosa) kepada Allah pada mereka (anak-anak).

Walaupun Islam meletakkan lingkungan umur subjek menengah 15–16 tahun sebagai tahap pembantu, pada tahap ini remaja telah mencapai kesempurnaan akal dan perasaan dan mereka sudah boleh memilih jalan hidup sendiri. Saranan menjadikan remaja sebagai pembantu daripada hadis tersebut dapat difahamkan sebagai mengadakan hubungan yang rapat dengan anak-anak remaja supaya mereka memperoleh bimbingan dan tunjuk ajar yang sewajarnya daripada ibu bapa. Gabungan keadaan diri remaja yang mempunyai konflik dalam akibat tempoh perkembangan pesat serta saranan Islam menjadikan remaja sebagai pembantu dapat dikaitkan dengan kecenderungan remaja untuk dominan pada kategori taakulan yang mempunyai elemen taklid iaitu kategori pengetahuan taklid, kategori taklid dan kategori taklid dekadenn. Keakraban terutamanya dengan ibu bapa menjadikan remaja terikut-ikut dengan gaya didikan, pemikiran, pelaziman nilai-nilai rohani dan sosial yang diterapkan kepada mereka.

Kecenderungan ini juga dapat dirujuk pada sudut sosial, kriteria peribadi golongan remaja sekolah menengah paling banyak terdedah kepada pelbagai sumber budaya luar yang menular dalam masyarakat (Zakaria, 1994). Seterusnya

fenomena ini amat berkait rapat dengan kematangan dari aspek penghayatan budaya dan agama dalam kehidupan sehari-hari yang tidak menekankan aspek penghayatan terutamanya aspek akhlak. Pembelajaran berorientasikan peperiksaan telah melahirkan pelajar yang tidak kukuh pegangan agamanya dan mereka mudah keliru untuk menanggapi persoalan-persoalan sosial akhirnya terjebak dalam penyelesaian masalah yang salah (Abd Kadir, 2003). Kekurangan dalam aspek penghayatan dan pemaknaan konsep Ad-Din ini juga menjadi punca kepada pengaktifan skema taakulan berpengetahuan taklid, skema taakulan taklid dan skema taklid dekaden kepada kumpulan pelajar menengah.

Terdapat pelajar IPTA yang termasuk dalam kategori taakulan taklid dan taklid dekaden. Walaupun peratusan mereka lebih rendah berbanding pelajar menengah tetapi keadaan ini menjelaskan terdapat kecenderungan pelajar IPTA membentuk kategori taakulan yang lebih rendah. Ada pelajar menengah yang turut termasuk dalam kategori skema taakulan istiqamah, dan ini menjelaskan terdapat kalangan pelajar menengah yang mencapai tahap taakulan tertinggi, iaitu kategori skema taakulan istiqamah. Kesimpulannya dapatkan kajian menunjukkan faktor umur memberikan perbezaan signifikan terhadap kategori skema taakulan. Hal ini menjelaskan kemunculan elemen taklid dalam skema taakulan yang dihasilkan bagi kedua-dua kumpulan umur pelajar Melayu. Dapatkan kajian menunjukkan pola kemunculan kriteria elemen taklid yang positif bagi pelajar yang lebih dewasa berbanding pelajar yang lebih rendah umurnya.

Data Kualitatif

Maklumat temu bual

Dalam konteks kajian-kajian moral, bahasa dilihat sebagai alat budaya yang mengandungi perkataan, bentuk wacana moral yang mendapatkan seseorang itu berfikir, merasa dan bertindak dalam cara yang bermakna (Tappan, 1997, 1998, 2000). Perkataan dan bahasa ini dijadikan sebagai media atau perantara fungsi psikologi paling tinggi dalam membuat interpretasi bagi menjelaskan persoalan apakah yang benar dan salah dari perspektif moral. Oleh itu, ciri-ciri skema berpengetahuan taklid, skema taakulan bertaklid dan skema taklid dekaden dikesan melalui penggunaan bahasa yang melibatkan frasa dan perkataan subjek yang menggambarkan sumber pengaktifan skemanya.

Seterusnya, ciri-ciri skema berpengetahuan taklid ditonjolkan melalui frasa yang menggambarkan sumber dan proses pemerolehan pengetahuan yang dilalui subjek berkaitan sesuatu perkara. Subjek dilihat merujuk kepada fakta daripada sumber pengetahuan seperti pengetahuan agama, pengetahuan sains dan sebagainya. Dari sudut proses pemerolehan pengetahuan pula, subjek terlibat dengan aktiviti seperti pemerhatian, membuat analisis dan membuat hubung kait

di antara satu fakta dengan fakta yang lain dalam situasi akhlak yang dihadapi. Aktiviti ini selaras dengan penerangan oleh Ibnu Khaldun dan al-Ghazali berkaitan pemerolehan pengetahuan dan jenis pengetahuan yang bergantung kepada kekuatan akal dan daya fikir dalam sesuatu perkara (Abdullah Amin al-Nukmy, 1995). Berikut ialah contoh frasa-frasa yang menonjolkan ciri skema berpengetahuan taklid.

Aktiviti dalam proses pemerolehan pengetahuan yang merujuk kepada sumber pengetahuan agama dinyatakan dalam frasa berikut.

Kita tak lawan cakap dia...mesti ada baik buruk dia suruh kita buat sesuatu segala apa yang dia suruh...selagi kita mampu...kita ikut lah suruhan dia tu...selagi tak menyalahi undang-undang Islam.

Pengaktifan skema pengetahuan taklid dikukuhkan dengan terdapatnya aktiviti berfikir melibatkan penganalisisan serta perbandingan antara dua situasi yang berbeza seperti yang dinyatakan dalam frasa berikut.

[Se]setengah ayah suruh beli rokok...kita tak ikut...ayah kata anak dah langgar undang-undang Islam...anak pulak kata dia tak buat sebab ada kesan tak baik pada bapa...ni dah kata anak tu derhaka...sepatutnya ayah tu kena faham lah...benda ni.

Aktiviti berfikir di atas telah membawa kepada kesimpulan yang membentuk pengetahuan subjek berdasarkan fahaman terhadap intipati ajaran Islam. Hal ini mencetuskan pandangan atau pendirian subjek dalam situasi yang dihadapi dan dijelaskan dalam frasa berikut.

Ayah tak sepatutnya suruh anak buat benda tak baik...dan yang anak tak mampu buat.

Skema taakulan bertaklid pula diwakili oleh frasa dan perkataan yang menunjukkan subjek membuat rujukan kepada kelaziman atau norma yang terdapat dalam persekitaran sosial mereka. Subjek akan merujuk sama ada corak fikiran autoriti termasuklah ibu-bapa, guru, ustaz dan juga pandangan kelompok masyarakat setempat. Rujukan berlaku kepada satu sumber sahaja iaitu ibu bapa dinyatakan menerusi frasa berikut.

Saya tak pernah...saya tak suka bercouple. Ee tak nak lah. Mak bapak saya dah amanatkan saya suruh belajar sampai bila-bila...sampailah beso[besar] sampai masuk universiti.

Manakala sumber rujukan kepada dua sumber juga berlaku serentak iaitu kepada ibu bapa dan masyarakat setempat dapat dinyatakan dalam frasa berikut.

Nanti apa orang pandang...kan nanti mak bapak kita yang kena...orang kata kang tak reti jaga anak kan...tak pasal-pasal anak yang buat salah mak yang kena takkan nak conteng arang kat muka mak bapak kita kan.

Data kajian juga menunjukkan skema bertaklid mempunyai ciri dua dimensi yang bertentangan iaitu dimensi yang membawa subjek cenderung kepada fikiran kebaikan atau dimensi yang mendorongnya melakukan pilihan tindakan yang dekaden. Ciri taklid yang cenderung kepada membuat perkara dekaden, menunjukkan pengaruh perasaan seperti yang dinyatakan oleh subjek.

Saya ni jenis kalau orang buat baik, saya buat baik tapi kalau dah buat tak baik kat saya, saya pun balaslah.

Ciri bertaklid kepada autoriti yang membawa kepada perkara kebaikan ditonjolkan dalam frasa berikut.

Saya taubat dah...saya malas nak buat dosa...saya dengar ceramah dari ustaz...dekat tv ustaz yang popular tu...tak de awek ni bagus lah.

Kemunculan kedua-dua ciri bertaklid di atas dapat dikaitkan sebagai hasil proses sosialisasi yang menjadi sumber kepada proses pembinaan dan pemaknaan aspek akhlak dalam diri seseorang. Pengkaji-pengkaji moral barat seperti Kohlberg dan Colby (1987), Tappan (2000) dan Walker, Gustafson dan Hennig (2001) serta tokoh-tokoh akhlak Islam seperti Ibnu Khaldun melalui *al-Muqadimah* dan al-Ghazali melalui kitab *Ihya* memberi penekanan yang selari dalam hal ini. Persekutaran sosial yang merangkumi budaya, aspek pergaulan, pendidikan dan gaya keibubapaan mempunyai pengaruh yang besar dalam pembinaan dan pemaknaan akhlak dalam diri individu (Saedah, 2003). Persekutaran sosial dapat membawa individu cenderung mengikuti perkara kebaikan atau mendorongnya terlibat dalam aktiviti dekaden.

Ciri skema taakulan taklid dekaden yang paling jelas dikesan melalui penggunaan bahasa yang berbentuk emotif melibatkan perasaan subjek. Perasaan yang ditonjolkan sama ada bersifat negatif seperti marah, sedih ataupun perasaan yang bersifat positif seperti sayang dan cinta. Walau bagaimanapun kesemua frasa yang mengandungi perasaan ini dikaitkan dengan pernyataan yang bersumberkan logik akal, logik yang sekular dan kepentingan diri sendiri. Hal ini dapat dilihat apabila responden menyatakan “kita tak lawan balik macam kita ni tak ada maruah” menunjukkan sumber rujukan kepada logik akal sendiri. Manakala kenyataan “nanti dia orang ingat kita ni lembik sangat” merujuk kepada keadaan

memuaskan perasaan sendiri. Ciri ini terdapat pada kedua-dua kumpulan umur pelajar. Pelajar IPTA (perempuan) menggunakan frasa emotif berikut.

Bagi mati senang, kalau nak bagi insaf pun; kalau dia insaf; yang dah kena mati, tak dapat nak idup balik biaq ibu bapa yang anak dia terlibat tu puas hati.

Kedua-dua frasa di atas merujuk kepada sumber perasaan geram dan tidak puas hati. Bagi pelajar menengah, frasa berikut digunakan bagi mewakili perasaan berasaskan mengikut kata hati sendiri.

Kalau sakit hati sangat ada lah saya melawan tapi tak lah teruk sangat... macam bercakap...kan tapi...kira menjawab tu (kira kurang sopan kan ...tapi...ikut kehendak hati).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, makalah ini membincangkan kemunculan elemen taklid dalam pembentukan skema taakulan akhlak pelajar Melayu. Dapatan kajian telah memberikan deskripsi empirikal berkaitan pola kemunculan elemen taklid iaitu dalam bentuk gabungan skema taakulan dan tidak berdiri dengan sendiri. Walaupun elemen taklid muncul secara dominan dalam ketiga-tiga jenis skema taakulan di atas namun kemunculannya tidak bersifat negatif semata-mata. Elemen taklid merupakan manifestasi aktiviti berfikir dalam minda pelajar yang tercetus daripada aktiviti sosialisasi dalam lingkungan pergaulannya. Elemen taklid diaktifkan dalam pelbagai bentuk merangkumi aspek pengetahuan agama, amalan kebiasaan dalam masyarakat, rakan sebaya, ibu bapa dan keluarga serta dibezaikan pengaktifannya mengikut tahap umur pelajar. Bukti-bukti empirikal ini menjelaskan aktiviti kerohanian pelajar dalam menghayati konsep ad-Din dalam kehidupan sehari-hari mereka seterusnya dapat menjadi input kepada pendidik khususnya dalam merangka program pembinaan minda ke arah penghasilan minda kelas pertama sebagai penentu modal insan yang jitu kualitinya.

RUJUKAN

Abdul Halim Mahmud. (1995). *Islam dan akal*. Mohd Fakhruddin Abd. Mukti (trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

Abd. Kadir Arifin. (2003). *Kesan pendekatan pengalaman penghayatan Islam terhadap pemikiran peringkat tinggi di kalangan pelajar tingkatan dua*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia.

- Abdullah Amin al-Nukmy. (1995). *Kaedah kurikulum pendidikan Islam*. Musthafa Alayaini and Usman Hussein (trans.). Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Aswati Hamzah. (2006). *Falsafah pembentukan skala pengukuran skema taakulan akhlak*. Paper presented at the 3rd International Conference on Measurement and Evaluation in Educational 9 (CMEE), Park Royal Hotel, Penang.
- _____. (2007). *Skema taakulan akhlak dalam kalangan pelajar Melayu*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia.
- Ayidh Abdullah al-Qarni. (2006). *Jangan bersedih*. Noraine Abu (trans.). Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Bartlett, F. A. (1932). *A study in experimental and social psychology*. New York: Cambridge University Press.
- Feldman, R. S. (2003). *Development across the life span* (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Hassan Ahmad. (2003). *Salah faham tentang Melayu*, Ruangan Penulis Tamu, Berita Harian.
- Kohlberg, L. and Colby, A. (1987). *The measurement of moral judgement volume 1: Theoretical foundations and research validation*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kowalski, R. and Westen, D. (2005) *Psychology* (4th ed.). Hoboken, NJ: John Wiley & Sons.
- Nik Azis Nik Pa. (1999). *Potensi intelek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. (1995). Budaya taklid di dalam masyarakat Melayu: Satu tinjauan ringkas. *Jurnal Syariah*, 3(1), 29–41.
- Saedah Siraj. (2003). *Pendidikan anak-anak*. Selangor Darul Ehsan: Alam Pintar Enterprise.
- Shweder, R. A., Mahapatra, M. and Miller, J. G. (1990). Culture and moral development. In J. Stigler, R. Shweder and G. Herdt (Eds.). *Cultural psychology: Essays on comparative human development* (pp. 73–112). New York: Cambridge University Press.
- Sidi Gazalba. (1983). *Islam dan perubahan sosio budaya: Kajian Islam tentang perubahan masyarakat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Tappan, M. (1997). Language, culture, and moral development: A Vygotskian perspective. *Developmental Review*, 17, 78–100.

- _____. (1998). Moral education in zone of proximal development. *Journal of Moral Education*, 27, 125–145.
- _____. (1999). Moral development in a postmodern world. In R. Moasher, D. Youngman and J. Day (Eds.). *Human development across the life span: Education and Psychological applications*. New York: Praeger.
- _____. (2000). Autobiography, mediated action, and the development of moral identity. *Narrative Inquiry*, 10 (1), 1–29.
- Walker, L. J., Gustafson, P. and Hennig, K. H. (2001). The consolidation/transition model in moral reasoning development. *Developmental Psychology*, 37(2), 187–197.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (1991). *Penjelasan budaya ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2005). *Falsafah dan amalan pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wan Sabri Wan Yusuf. (2001). *Tafsir Al-Azhar: Satu gambaran perubahan sosial di Indonesia pada abad 20*. Paper presented at Seminar Pemikiran Hamka, Kuala Lumpur.
- Zakaria Stapa. (1994). *Masyarakat Islam dan isu semasa*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.